

Tarikh:

## Lembaran Pendedahan Produk

# Insurans Liabiliti Majikan

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Liabiliti Majikan. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.



### NOTIS PENTING

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi [Tokio Marine Insurans \(Malaysia\) Berhad](#) atau [PIDM](#) (lari [www.pidm.gov.my](#)).

### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindungi anda sebagai seorang majikan kerana anda mungkin menanggung risiko disaman oleh pekerja-pekerja yang tidak dilindungi oleh Akta Pampasan Pekerja atau SOCSO.

### 2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?

Polisi ini menanggung rugi anda terhadap liabiliti undang-undang untuk membayar pampasan dan kos dan perbelanjaan kepada pekerja-pekerja anda berhubung dengan kecederaan badan akibat kemalangan atau menghidap penyakit yang terbit daripada dan di dalam tempoh penggajiannya. Had Common Law yang standard ialah RM1,000,000.

Tempoh perlindungannya ialah selama satu tahun. Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

### 3. Bagaimana pula jika kemalangan itu disebabkan oleh pekerja yang lain?

Polisi ini melindungi anda dan juga kecuaian pekerja anda.

### 4. Dalam keadaan bagaimanakah saya perlu menanggung liabiliti?

Anda perlu menanggung liabiliti ke atas:

- Kecuaian peribadi
- Gagal menyediakan tempat bekerja dan sistem bekerja yang selamat
- Gagal memberi perhatian yang munasabah dalam pengambilan pekerja yang mahir
- Gagal menyediakan mesin yang sesuai dan memastikan ia berfungsi dengan baik

### 5. Bolehkah pekerja itu menyaman di luar Malaysia?

Tidak, polisi ini adalah tertakluk kepada kuasa undang-undang Malaysia sahaja.

### 6. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada keperluan pengunderitan pihak kami dan jumlah pembayaran gaji/upah tahunan yang anda isytiharkan kepada pihak kami.

Had Common Law : RM \_\_\_\_\_

Perolehan tahunan terangga : RM \_\_\_\_\_

Kadar dikenakan : \_\_\_\_\_ %

Jumlah premium tahunan yang anda perlu bayar ialah : RM \_\_\_\_\_

### 7. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- Cukai Perkhidmatan : 8%
- Duti setem : RM10.00
- Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) : 25% daripada premium atau RM \_\_\_\_\_

### 8. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.
- Anda harus mengekalkan rekod setiap pekerja dengan baik dan menyatakan gaji dan pendapatan mereka dengan jujur, jika tidak, syarat purata dalam polisi ini akan dikenakan jika berlakunya tuntutan.
- Anda tidak harus mengakui, menawar, menjanjikan atau membayar kepada pihak menuntut tanpa kebenaran bertulis daripada pihak kami
- Polisi anda tertakluk kepada Waranti Premium. Sila pastikan anda membayar premium anda dalam tempoh 60 hari dari tarikh polisi mula berkuatkuasa.
- Anda dikehendaki memberi notis bertulis kepada ejen atau pihak kami tentang apa-apa perubahan material sepanjang tempoh polisi supaya pindaan-pindaan yang wajar diendorskan pada polisi anda.

## **9. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi:

- Liabiliti yang ditanggung oleh persetujuan
- Perang, perang saudara, dan mana-mana tindakan keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Tuntutan yang timbul daripada "Sindrom Toksik Protein Lateks" dan Asbestos

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

## **10. Bolehkah saya batalkan polisi ini?**

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium berdasarkan kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang ditahan oleh pihak kami. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika tuntutan di bawah polisi ini.

## **11. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

## **12. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?**

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Insurans Liabiliti Majikan atau mana-mana jenis produk insurans yang pihak kami sediakan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di [www.tokiomarine.com](http://www.tokiomarine.com)

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad  
Level 20, Menara Hap Seng 3,  
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,  
50250 Kuala Lumpur.

Customer Service Hotline: 1800 88 0812  
Email: [letusknow@tokiomarine.com.my](mailto:letusknow@tokiomarine.com.my)

## **13. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan**

- Pampasan Pekerja
- Skim Pampasan Pekerja Asing

### **NOTA PENTING**

Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi terus kami untuk keterangan lanjut.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024